

Kerajaan tidak mampu salur peruntukan besar

BH - 9/12/2019 m/s: 2

Langkawi: Kerajaan tidak mampu menyalurkan peruntukan besar kepada rakyat kerana terpaksa menggalas tanggungjawab dalam memastikan kestabilan dan membangunkan kembali negara, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, jika kerajaan sedia ada mengamalkan cara pentadbiran terdahulu dengan melakukan salah guna kuasa, curi duit dan mengutamakan kawan, rakyat akan menolak kerajaan pada Pilihan Raya Umum (PRU).

Beliau berharap rakyat dapat memahami sumber kewangan negara kini adalah terhad dan perlu

membayar hutang, sekali gus perlu memastikan setiap projek pembangunan yang dilaksana memanfaatkan rakyat.

“Walaupun rakyat sudah menolak kerajaan pencuri dan penyangak, mereka berpendapat kerajaan (ketika ini) perlu bagi duit kepada mereka.

“Tetapi kerajaan ketika ini tidak mencuri dan tidak ada duit banyak, duit yang ada cuma untuk bayar hutang kerajaan lama lebih RM1 trilion,” katanya ketika berucap pada Majlis Ramah Mesra Bersama Ketua Jabatan dan Pimpinan PH Langkawi di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, kerajaan mengambil keputusan tidak meneruskan tindakan kerajaan terdahulu dalam memberikan wang kepada rakyat demi meraih sokongan.

“Tindakan memberi wang akan menyebabkan rakyat menjadi orang kurang berusaha dalam mencari duit, selain mengharapkan bantuan kerajaan semata-mata.

“Kerajaan pimpinan Pakatan Harapan (PH) perlu mentadbir negara penuh adil dan mengikut saluran undang-undang yang betul bagi memberi keadilan kepada semua pihak,” katanya.